

52 SUBJEK BERADA DI KEDUDUKAN 100 TERBAIK DUNIA

INSTITUSI	BILANGAN SUBJEK PADA KEDUDUKAN TERBAIK DUNIA	SUBJEK TERBAIK	RANKING
Universiti Malaya	19	Kejuruteraan Elektrikal dan Elektronik	23
Universiti Sains Malaysia	13	Hospitaliti dan Pengurusan Percutian	32
Universiti Kebangsaan Malaysia	9	Sembilan Subjek	51 - 100
Universiti Teknologi Malaysia	6	Enam Subjek	51 - 100
Universiti Putra Malaysia	3	Tiga Subjek	51 - 100
Taylor's Universiti	1	Hospitaliti dan Pengurusan Percutian	29
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia	1	Kajian Teologi, Ketuhanan dan Agama	46

SEBELAS SUBJEK BERADA PADA TANGGA 50 DUNIA

UNIVERSITI MALAYA

RANKING	SUBJEK
23	Kejuruteraan Elektrikal dan Elektronik
26	Pengajian Pembangunan
33	Kejuruteraan Mekanikal
38	Kejuruteraan Kimia
41	Pendidikan

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

RANKING	SUBJEK
32	Hospitaliti dan Pengurusan Percutian
35	Mineral dan Perlombongan
38	Kejuruteraan Kimia
49	Sains Persekitaran

TAYLOR'S UNIVERSITI

RANKING	SUBJEK
29	Hospitaliti dan Pengurusan Percutian

UNIVERSITI ISLAM

ANTARABANGSA MALAYSIA

RANKING	SUBJEK
46	Kajian Teologi, Ketuhanan dan Agama

52 subjek tujuh universiti tempatan terbaik dunia

KUALA LUMPUR 8 Mac - Penarafan Quacquarelli Symonds (QS) untuk ranking universiti dunia bagi kategori mengikut subjek pada tahun ini menyaksikan 11 mata pelajaran di empat universiti tempatan berjaya tersenarai dalam kelompok 50 terbaik.

Laman web Top Universities melaporkan, empat universiti tempatan terbabit ialah Universiti Malaya (UM), Universiti Sains Malaysia (USM), Taylor's University dan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM).

Menurut laporan itu, lima mata pelajaran yang ditawarkan oleh UM mencatatkan kedudukan 50 teratas dunia iaitu Kejuruteraan Elektrikal dan Elektronik di tangga ke-23, Pengajian Pembangunan (26), Kejuruteraan Mekanikal (33), Kejuruteraan Kimia (38) dan Pendidikan (41).

Sementara bagi USM, mata pelaj-

aran Hospitaliti dan Pengurusan Percutian berada pada kedudukan 32, Mineral dan Perlombongan (35), Kejuruteraan Kimia (38) dan Sains Persekitaran (49).

Tidak ketinggalan Taylor's University yang berjaya meletakkan subjek Hospitaliti dan Pengurusan Percutian pada kedudukan ke-29 manakala UIAM, mata pelajaran Kajian Teologi, Ketuhanan dan Agama berada di tangga 46.

Selain itu, tiga lagi universiti tempatan turut berjaya disenarai-kan menawarkan 100 subjek terbaik di dunia iaitu sembilan subjek di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dengan enam subjek dan tiga subjek dari Universiti Putra Malaysia (UPM).

Ini menjadikan keseluruhan 52 subjek dari tujuh buah universiti tempatan sebagai 100 mata pelajaran terbaik di dunia bagi tahun ini.